



مجلس فريندران تايفينغ

MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

Jalan Taming Sari
34000 Taiping
Perak Darul Ridzuan

Tel : 05-808 0777
Fax : 05-805 3000 / 806 8957
Email : mpt@mptaiping.gov.my
Laman Web : www.mptaiping.gov.my

JABATAN KEJURUTERAAN

NOTIS / IKLAN SEBUTHARGA

SEBUT HARGA (TAMPAL JALAN)
SEBUTHARGA NO. : MPT/JK/S/18/19

Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor **Bumiputera** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) serta mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred G2, Kategori CE dan Pengkhususan CE01 yang masih dibenarkan membuat sebutharga buat masa ini untuk kerja-kerja berikut :

**CADANGAN KONTRAK TAHUNAN MENAMPAL SEMULA JALAN – JALAN DI
KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN TAIPING, PERAK TAHUN 2019 - 2020
(ZON A – KAMUNTING, KG PINANG & KG. JANA)**

Butir-butir kerja dan borang sebutharga boleh didapati di Jabatan Kejuruteraan, Tingkat 3, Majlis Perbandaran Taiping bermula pada tarikh.....07.03.2019..... bersamaan hari KHAMIS..... dengan harga RM50.00

Masa adalah seperti berikut :-

Hari Isnin hingga Khamis	Mulai jam 8.15 pagi hingga 12.30 tengahari. Mulai jam 2.15 petang hingga 4.00 petang.
Hari Jumaat	Mulai jam 8.15 pagi hingga 12.00 tengahari. Mulai jam 2.45 petang hingga 4.00 petang.

Dokumen sebutharga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Bagi maksud ini kontraktor hendaklah membawa dokumen asal bagi Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor , Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera atau salinan yang diakui sah oleh pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan juga Pusat Khidmat Kontraktor semasa membeli dokumen sebutharga.

Semua borang-borang sebutharga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Jabatan Kewangan, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Taiping tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada hari KHAMIS bersamaan 17.03.2019.

(KAMARUZZAMAN BIN KAMARI)

Pengarah Kejuruteraan

b.p : Yang Dipertua,

Majlis Perbandaran Taiping